

## BORANG PENYERTAAN RASMI

### A. JUDUL CERPEN

i. ....

ii. ....

### B. BUTIRAN DIRI

Nama Penuh : .....  
(Seperti dalam Kad Pengenalan)

Nama Samaran : .....  
( Jika ada )

No. Kad Pengenalan : .....

Jantina : .....

Umur : .....

Pekerjaan : .....

.....

.....

Alamat Surat-Menyurat : .....

.....

.....

.....

.....

.....

No. Telefon Rumah: .....

No. Telefon Bimbit: .....

No. Telefon Pejabat: .....

E-mel : .....

### C. PERAKUAN

Dengan ini saya mengaku bahawa :

- (i) Semua butiran yang diberikan di atas adalah benar.
- (ii) Cerpen yang tersebut di atas adalah hasil saya sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana. Saya juga bersetuju mematuhi semua syarat yang dikenakan serta menerima segala keputusan pihak penganjur berhubung dengan peraduan ini.

.....  
(Tandatangan)

.....  
(Tarikh)



# Peraduan Menulis Sastera Kreatif 2010

## CERPEN

*Anjuran*

**Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak**

**Tarikh Tutup : 30 JUN 2010**

## SYARAT DAN KETERANGAN PERADUAN

### 1. NAMA PERADUAN

Peraduan Menulis Sastera Kreatif 2009 (Kategori Cerpen)

### 2. OBJEKTIF

- 2.1. Untuk meningkatkan mutu penulisan kreatif di Sarawak khususnya penulisan cerpen, dan seterusnya menggalakkan penulis supaya sentiasa gigih berkarya.
- 2.2. Untuk meningkatkan bilangan penulis yang benar-benar berminat dan cekal menulis cerpen yang bermutu sehingga dapat menerbit karya masing-masing.

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 3.1. Penyertaan terbuka kepada rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas yang bermastautin di Sarawak serta penduduk asal negeri Sarawak yang berada di luar negeri/negara.
- 3.2. Penyertaan hendaklah disampaikan dengan menggunakan borang rasmi yang boleh didapati daripada Urus Setia. Borang ini boleh diperbanyakkan/difotostat jika perlu.
- 3.3. Cerpen hendaklah ditulis menggunakan Bahasa Melayu Baku dan panjangnya hendaklah di sekitar 4000 perkataan atau 15 halaman kertas A4 jika ditaip.
- 3.4. Setiap peserta boleh menghantar tidak lebih daripada dua buah cerpen untuk menyertai peraduan ini.
- 3.5. Karya yang dihantar untuk menyertai peraduan ini tidak akan dikembalikan. Peserta dinasihati untuk menyimpan salinannya.

### 4. DEFINISI DAN TEMA

- 4.1 Dalam pengertian yang umum, cerpen dapat didefinisikan sebagai kisah rekaan yang relatif pendek yang dihasilkan dalam bentuk prosa. Dilihat dari segi panjang pendeknya, sebuah cerpen biasanya mengandungi antara 500 hingga 15,000 perkataan.

- 4.2 Tema adalah bebas tetapi sesuai untuk bacaan umum serta tidak menyentuh perkara-perkara yang dianggap sensitif atau yang boleh menyinggung perasaan mana-mana kumpulan kaum, agama, kepercayaan dan budaya di Malaysia.

### 5. PENGHAKIMAN

Semua penyertaan yang menepati syarat peraduan ini akan dihakimi oleh panel penilai yang akan dilantik oleh penganjur. Keputusan panel hakim dan urus setia adalah muktamad.

### 6. HAK PENERBITAN

Penganjur berhak untuk menerbitkan/ menyiarkan penyertaan (karya-karya) yang dipilih, dan dalam berbuat demikian, berhak membuat penyuntingan atau pindaan yang difikirkan perlu, ke atas karya-karya yang berkenaan. Karya yang dihantar menyertai peraduan tidak boleh dihantar kepada penerbit atau pihak lain tanpa mendapat persetujuan penganjur peraduan ini terlebih dahulu.

### 7. PENULISAN

Karya hendaklah bertaip (mesin taip atau komputer) berjarak dua (*double spacing*) dengan menggunakan kertas taip saiz A4 dan ditaip pada sebelah halaman kertas yang digunakan.

### 8. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup peraduan ialah **30 Jun 2010**. Karya mesti sampai kepada Urus Setia pada atau sebelum tarikh tersebut. Penyertaan yang lewat sampai tidak akan dipertimbangkan.

### 9. KEASLIAN KARYA

Karya hendaklah karya asli peserta (bukan diciplak atau dipadankan daripada karya orang lain) dan belum pernah disiarkan di mana-mana. Peserta mesti bersedia untuk memperakukan keaslian karya yang dihantar itu.

### 10. SALINAN PERTAMA

Semua penyertaan mestilah dalam bentuk salinan pertama, bukan salinan foto atau salinan karbon.

### 11. NAMA PESERTA

Nama peserta hendaklah jangan ditulis pada naskhah karya tetapi memadai ditulis pada borang penyertaan sahaja.

### 12. HADIAH

Pertama : RM2,000.00

Kedua : RM1,500.00

Ketiga : RM1,000.00

5 Sagu Hati : RM300.00 Setiap Satu

(bilangan hadiah masih tertakluk pada keputusan hakim)

### 13. URUS SETIA

Alamat urus setia:

Urus Setia,  
Peraduan Menulis Sastera Kreatif 2010 (Cerpen),  
Unit Pembangunan Karyawan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak,  
Peti Surat 1390,  
93728 KUCHING.  
(u.p.: Puan Marriya Haji Yusup)

Tel : 082-444711 (samb: 312/314)

Faks : 082- 440260/444707

E-mel : [y-marriya@dbp.gov.my](mailto:y-marriya@dbp.gov.my) atau [kadir@dbp.gov.my](mailto:kadir@dbp.gov.my)